

The International Graduate Summer School in Librarianship and Information Science, 1983

oleh
Rashidan Hakkam*

Abstract: *The International Graduate Summer School in Librarianship and Information Science, 1983, provided advanced courses for practising librarians throughout the world. The intensive two-month course successfully combined theoretical and practical instruction on various aspects of librarianship to suit the needs of the participants in the course. The methodology of instruction adopted by the competent tutors was lectures coupled with audio-visual demonstrations and visits to specific libraries to see the practical application of theories propounded in the lectures. The cosmopolitan composition of the participating librarians combined with the successful management and organisation, made the course very interesting, informative and useful.*

The International Graduate Summer School (IGSS) kali yang sebelas berlangsung di College of Librarianship Wales, Aberystwyth, selama lapan minggu mulai dari 27 Jun hingga 20 Ogos tahun ini. IGSS ini adalah untuk melatih dan memberi kursus kepada pustakawan-pustakawan terlatih dengan tujuan dapat meninggikan pengetahuan dan kebolehan iktisas mereka dalam satu suasana antarabangsa. Kursus ini berjaya menarik seramai empat puluh tujuh pustakawan dan pegawai penyelidik daripada dua puluh enam buah negara di seluruh dunia.

Kursus-kursus yang ditawarkan pada tahun ini adalah seperti berikut:-

1. Computers and the Automation of Library Systems & Information Services
2. Information Services
3. Information Systems Design
4. Micrographics
5. Problems in Information Science
6. Searching Subject Retrieval Systems
7. Statistical Analysis Library Management and Research

Tiap-tiap peserta diwajibkan memilih dua dari kursus tersebut dan kuliah dijalankan setiap hari dalam seminggu. Cara penyampaian yang diamalkan ialah kuliah-kuliah bersama demonstrasi bahan-bahan pandang dengar dan juga lawatan-lawatan ke perpustakaan tertentu untuk melihat secara praktik teori yang telah diajar semasa dalam kuliah. Satu

lawatan khas diadakan ke Perpustakaan Hugh Owen, iaitu perpustakaan utama University College of Wales, untuk melihat dan mendapat keterangan lebih lanjut tentang sistem sirkulasinya. Perpustakaan ini baru sahaja mendapat bangunan barunya dan kini berkhidmat kepada pembaca seramai 5,000 orang. Kelemahan-kelemahan yang dialami dengan sistem pinjaman "Brown Charging System" mengakibatkan pihak Perpustakaan menukar ke sistem 'Telepun' dengan menggunakan sebuah mini komputa.

Kursus "Statistical Analysis for Library Management and Research" mengajar cara yang baik untuk memilih, mengumpul, menyusun dan akhirnya menganalisis data-data tentang berbagai operasi yang diuruskan dalam sebuah sistem perpustakaan, terutamanya perkhidmatan yang dipanjangkan oleh Bahagian Sirkulasi kepada para pengguna. Kuliah-kuliah ini dilengkapi dengan tayangan filem dan penyampaian pita-slaid dan dengan cara ini ia menjadi lebih menarik dan mudah difaham. Semua pengajar adalah pakar dalam bidang masing-masing dan perhubungan mereka dengan peserta-peserta adalah secara tidak rasmi. Tambahan pula mereka sangat peramah dan amat mudah untuk disoal-malahan para peserta berpeluang memberi komen-komen atas segala yang diajar.

Peserta-peserta yang dianjurkan oleh CICHE (Committee for International Cooperation in Higher Education) iaitu dalam lingkungan 15 orang, diberi kuliah-kuliah tambahan dalam bidang alat pandang

* Ketua, Bahagian Sirkulasi.

dengar, perkhidmatan pembaca dan bangunan perpustakaan. Perkara-perkara ini sungguh berfaedah dan menarik. Pensyarah yang berkenaan, seperti bagi kursus-kursus yang lain, telah mengambil berat dalam menyediakan nota-nota kuliah dan catatan-catatan untuk hadirin dan menunjukkan penuh minat dan mengambil berat dalam menentukan supaya apa yang diajar difahami dengan baik dan cara penyampaiannya pun menarik. Filem-filem yang ditayangkan, di antara lain, bersempena dengan kuliah-kuliah atas perkara bangunan-bangunan perpustakaan ialah *The University Architecture in Britain* dan *The Birth of a Library*. Filem-filem ini menunjukkan bagaimana caranya pihak perpustakaan dan arkitek bekerjasama dari mulanya sehinggalah tersergam beberapa buah perpustakaan universiti di Great Britain dalam berbagai bentuk.

Pihak penganjur juga mengambil kesempatan untuk mempelawa pakar-pakar dalam berbagai bidang untuk memberi syarahan. Sebagai contoh ialah Prof. F. Thorpe, pencipta cetak besar, telah memberi ceramah tentang "The Future of Large Prints" di mana beliau telah menerangkan latarbelakang, usaha-usaha dan akhirnya kejayaan kumpulan beliau untuk membolehkan orang-orang (terutamanya yang tua dengan penglihatan yang kian berkurangan) untuk membaca. Dr. David Matthews telah membincangkan tentang "Health Care Librarianship" dan seorang lagi atas perkara "Library Furniture and Equipment". Di samping itu peserta-peserta juga digalakkan memberi ceramah serta keterangan tentang sistem perpustakaan mereka, masalah-masalah yang dihadapi dan berbagai kemajuan yang telah dicapai oleh Perpustakaan mereka. Sambutan dari peserta-peserta amat menggalakkan sehingga sukar bagi penganjur untuk memperuntukkan masa bagi peristiwa-peristiwa ini dalam jadual-jadual mingguan. Akhirnya ceramah-ceramah ini diadakan selama satu jam dalam masa makan tengahari. Selain dari itu pihak-pihak firma juga dijemput un-

tuk memberi demonstrasi tentang alat-alat baru mereka misalnya satu pertunjukan "Swets On-Line Periodical System" dan satu "software package" digelar "Librarian".

Dalam penghujung minggu lawatan-lawatan opsyenal ke tempat-tempat menarik di sekitar Wales diadakan. Salah satu daripada lawatan tersebut yang ingin saya sebutkan di sini ialah ke satu Perpustakaan berangkai di Hereford Cathedral dan ke bandar Llanfairpwllgwyngyllgogerychwyrndrobwllllantysiliogogoch, nama yang terpanjang sekali di dunia. Pada pertengahan penggal pula satu lawatan sambil belajar selama seminggu diadakan ke tempat-tempat terkenal dari segi ikhtisas dan kebudayaan di seluruh Great Britain. Lawatan ini meliputi bandar Chester, York, Oxford (termasuk kedai termasyhur Blackwell dan gedung buku-buku nadirnya), Stratford-upon-Avon (British Lending Library Division dan Panggung Royal Shakespeare), London (termasuk Perpustakaan Bodleian dan Perpustakaan Parliament) dan Bath.

Kursus IGSS ini juga telah dapat meluaskan pengetahuan dan pandangan tentang kemajuan perpustakaan di negara-negara lain dan yang lebih menarik dapat pula mempelajari latarbelakang, kebudayaan, keadaan kerja dan masalah rakan-rakan dari seluruh pelusuk dunia. Peluang-peluang diberi kepada peserta-peserta untuk berkenalan satu sama lain dan ini telah berjaya menjalinkan tali persahabatan di antara mereka.

Saya sungguh bangga dapat merakamkan penghargaan saya kepada penganjur yang telah merancang dan mengedalikan kursus ini dengan begitu baik. Pihak-pihak yang berkenaan terutamanya urusetia telah cuba dengan sedaya upaya mereka untuk meluangkan masa dan melayan setiap peserta dalam apa jua keadaan. Saya juga ingin menyatakan bahawa kursus ini amat berfaedah dan akhir kata jika ada peluang hendaklah disertai oleh pegawai yang lain.